

# -Dr. Mahathir cabar golongan muda Melayu

MM 1.4 MAR 1982

SKUDAI 13 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencabar golongan muda Melayu supaya membuktikan kepada bangsa-bangsa lain bahawa mereka bukan pengecut dan sanggup berkorban sebagai satu bangsa yang dihormati kerana keberaniannya menghadapi cabaran hidup.

Perdana Menteri juga mahukan mereka membuktikan bahawa sebagai orang-orang Islam mereka sanggup bekerja kuat dan layak untuk berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang telah maju.

Berucap merasmikan kem latihan kemahiran KOBENA di sini hari ini, beliau menegaskan, kaum bumiputera terutama sekali orang-orang Melayu tidak harus bersikap seperti pengecut yang takut menghadapi cabaran atau bersaing dengan orang lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau mahu bangsa Melayu dihormati sebagai satu bangsa yang

cekal dan berani menempuh segala cabaran hidup dan bukannya bangsa yang pemalas seperti mana yang disifatkan dalam Encyclopaedia Britannica.

Dalam amanatnya kepada kira-kira 300 orang pelatih kem tersebut, Perdana Menteri mengingatkan mereka supaya jangan mengecewakan bangsa, negara dan umat Islam seluruhnya.

Untuk menjadi satu bangsa yang dihormati dan disegani, katanya, pemuda-pemudi Melayu hendaklah mempunyai nilai disiplin yang tinggi untuk menjadikan diri mereka orang-orang yang

cekap dan sentiasa dikehendaki oleh semua pihak.

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal, kerana sunguhpun disiplin diri adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam, tetapi nampaknya golongan bukan Islam lebih berdisiplin dari umat Islam sendiri.

## Korban

Beliau menegaskan, golongan muda Melayu tidak boleh gagal dalam usaha menjadikan bangsa mereka satu bangsa yang dihormati dan mereka hendaklah bersedia mengorbankan berbagai bentuk kesenangan hidup

untuk mencapai matlamat ini.

Katanya, jika bumiputera mempunyai kecekapan dan sedia menghadapi segala bentuk cabaran, tidak akan wujud lagi sungutan di kalangan bumiputera sendiri bahawa mereka sering ditindas oleh bangsa lain dan tidak mendapat layanan yang baik.

Perdana Menteri menegaskan, berkorban bermakna kesanggupan untuk membuat sesuatu yang susah yang hasilnya belum tentu dicapai dalam masa yang singkat.

Katanya, pengorbanan adalah sesuatu yang tidak boleh dijual beli dan balasannya juga tidak semestinya diperolehi di dunia semata-mata.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian sebagai golongan muda Islam, kaum bumiputera hendaklah sedia berkorban untuk sesuatu yang akan dibalas di akhirat.

"Janganlah tanya apa kita akan dapat, kerana ini bukan pengorbanan. Orang yang berkorban tidak menunggu kebajikan datang kepadanya, jika tidak ada, hasil di dunia, balasan tetap akan datang di akhirat," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, tidak ada apa yang

boleh diperolehi dengan mudah di dunia hari ini dan tidak ada siapa yang boleh hidup dengan senang jika ia tidak sanggup bekerja kuat.

Beliau menegaskan, orang-orang yang akan hidup senang adalah mereka yang berdisiplin, mempunyai kemahiran tertentu dan sanggup berkorban untuk bangsa dan masa depannya.

"Orang-orang yang tidak tahan dengan cabaran-cabaran hidup dan melarikan diri daripadanya adalah golongan pengecut," ujarinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan, golongan muda Melayu tidak boleh gagal dalam usaha ini kerana bukan sahaja mereka yang akan dikatakan pengecut, tetapi seluruh kaum bumiputera akan dianggap demikian.